

ACZ 6131

**R ANALISIS PENDEKATAN IJTIHAD DALAM FATWA
JEMAAH ULAMA NEGERI KELANTAN**

MOHD NOR HASHRI B JUNOH

**JABATAN FIQH DAN USUL
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511141605

**ANALISIS PENDEKATAN IJTIHAD DALAM FATWA
JEMAAH ULAMA NEGERI KELANTAN**

MOHD NOR HASHRI B JUNOH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003**



MOTTO

فَبَشِّرْ عِبَادِ * الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ

فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ ، أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ

*، وَأُولَئِكَ هُمُ أُولُوا الْأَلْبَابِ

(Surah al-Zumar (39) : 17-18)

Maksudnya :

"Oleh itu gembirakanlah hamba-hambaku yang berusaha mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya (pada segi hukum), mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna"

DEDIKASI

" Buat arwah ayah dan ibu.....

segala jasa dan pengorbanan kalian selama ini,

mengasuh dan mendidikku hingga aku berjaya ke tahap ini,

akan kuingati sepanjang hayat. Aku doakan semoga roh kalian

bersama-sama dengan golongan yang bahagia. Aku akan senantiasa

memohon keampunan kepada Allah SWT untuk kalian berdua....amin."

" Buat semua ahli keluarga.....

segala dorongan dan dukungan selama ini,

tidak akan aku persia-siakan, demi untuk menuju ke puncak kejayaan.

Terima kasih untuk semua kerana sudi menghargai perjuanganku ini."

" Buat semua pejuang kebenaran.....

izinkan aku untuk turut sama-sama berjuang bersama kalian.

Untuk sama-sama menegakkan kebenaran, di tengah-tengah kemungkaran

yang sedang bermaharajalela, sebagai meneruskan perjuangan golongan terdahulu."

"Ya Allah.... tetapkanlah hati-hati kami di atas kebenaran.

Jangan Engkau pesongkan hati-hati kami setelah Engkau beri hidayah.

Matikanlah kami di atas jalan kebenaran dan bangkitkanlah kami di akhirat

bersama-sama dengan para kekasihmu.....amin.....amin ya rabbal alamin."

ABSTRACT

This dissertation attempts to discuss, in detail, the issue of ijтиhad *jamā'ī* and one of its approaches, which is called ijтиhad *tarjīḥī*. The discussion starts with the elaboration on the status of ijтиhad from various aspects, such as its concept, basics of ruling, laws and so on. What follows is the discussion regarding the status of ijтиhad *jamā'ī* from various aspects such as its concept, basics of ruling, history of development, approaches and so on.

Further on, this dissertation tries to present one of the fatwa institutions that applies ijтиhad *jamā'ī* in Malaysia, which is Jemaah Ulama Negeri Kelantan. The discussion starts with the history of the Islamic administration development in Kelantan. It is followed by further elaboration on the Jemaah Ulama, focusing on its objectives, committees, procedure of the issuing of fatwa, meaning of *qawl muktamad* according to Syafi'i Jurist and others.

The discussion continues concerning the fatwas that were issued through the ijтиhad *tarjīḥī* approach, as one of the ijтиhad *jamā'ī* approaches which is applied by the Jemaah Ulama Negeri Kelantan. Earlier on, the concept of fatwa was elaborated.

- This dissertation ends with conclusions from the earlier discussions and at the same time tries to give some suggestions and constructive ideas that can be forwarded to the related authorities.

ملخص البحث

هذا البحث يحاول أن يناقش بالتفصيل عن الاجتهداد الجماعي واحدى طرقه وهو الاجتهداد الترجيحي. تبدأ المناقشة بالتحليل عن مولدة الاجتهداد من حيث مفهومه وأساس تشريعه وحكمه وما يتعلق بذلك . ويحلقه بيان عن مولدة الاجتهداد الجماعي من حيث مفهومه وأساس تشريعه وتاريخ تطوره وطريقه وغير ذلك من الأمور التي تتعلق بالاجتهداد الجماعي.

ثم يحاول هذا البحث أن يعرف بإحدى مؤسسات الإفتاء باليزبا التي تطبق الاجتهداد الجماعي وهي جماعة العلماء بولاية كلستان . يبدأ التعريف بالتحليل عن تاريخ تطور إدارة الشؤون الإسلامية بولاية كلستان و تاريخ نشأة مجلس الشؤون الإسلامية والمقاليد الملايوية كلستان . ثم يليه تحليل عن جماعة العلماء من حيث أهدافها وأعضاءها وعملية إصدار الفتاوى والمقصود بالقول العحمد في المذهب الشافعى وما يتعلق بالجماعة من أمور.

ثم يناقش البحث عن الفتاوى التي أصدرتها جماعة العلماء بإحدى طرق الاجتهداد الجماعي وهو الاجتهداد الترجيحي . وقد جاء قبل ذلك بيان عن مفهوم الفتوى وبعض الأمور التي تتعلق به .

ويختتم هذا البحث بعرض نتائج المناقشة السابقة مع إبراد الاقتراحات التي يمكن أن تطرحها إلى الجوانب المتعلقة .

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah SWT, Pentadbir sekalian alam. Selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad SAW, penghulu dan penyudah bagi sekalian nabi-nabi a.s. Buat ahli keluarga baginda, sahabat-sahabat dan sekalian pengikut-pengikut baginda hingga hari kiamat.

Alhamdulillah, dengan izin Allah serta taufik dan hidayahNya, disertasi ini akhirnya dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan walaupun terpaksa melalui pelbagai cabaran dan halangan sepanjang tempoh penulis menyiapkan disertasi ini. Walaubagaimanapun, berkat kesabaran dan doa, cabaran dan halangan tersebut dapat diatasi dengan sebaiknya.

Pada kesempatan ini penulis ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ribuan penghargaan kepada semua yang telah membantu penulis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pertama sekali penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Noor Naemah Binti Abdur Rahman, yang sudi menyeliakan disertasi ini dan membimbing serta memberi tunjuk ajar kepada penulis sepanjang tempoh menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa juga penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat Tuan Syed Abdur Rahman bin Syed Hussin, Pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Cawangan Nilam Puri, yang sudi meluangkan masa untuk membantu penulis membaiki dan mengemaskini gaya bahasa disertasi ini.

Tidak lupa kepada kakitangan-kakitangan perpustakaan Universiti Malaya Cawangan Nilam Puri, Perpustakaan Negeri Kota Bharu Kelantan, Perpustakaan Islam MAIK dan Perpustakaan Islam Nur al-Zahra' yang sudi membantu penulis mendapatkan buku-buku rujukan di dalam Bahasa Arab dan juga Bahasa Malaysia.

Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada Dato' Mufti, Tuan Hj. Hasbullah bin Mat Hassan dan Setiausaha Jemaah Ulama Negeri Kelantan, Ustaz Murtadha bin Hj. Abdullah yang sudi meluangkan masa untuk ditemubual. Tidak lupa juga buat rakan-rakan yang sudi meminjamkan buku-buku kepada penulis dan buat semua yang membantu yang tidak dapat dinyatakan satu persatu di sini.

Akhir sekali penulis mengharapkan disertasi ini menjadi salah satu daripada usaha penulis untuk sama-sama memberi sumbangan dalam meningkatkan lagi martabat institusi-institusi fatwa di Malaysia amnya dan di Kelantan khususnya. Semoga hasil usaha yang tidak seberapa ini dinilai oleh Allah SWT sebagai amal kebajikan yang mendapat ganjaran yang besar di akhirat nanti.

Mohd Nor Hashri Bin Junoh,

272, Kg. Pasir Pekan Hilir,

Kota Bharu, Kelantan.

2003M \ 1423H

BAB 1 IJTIHAD

1.1 Konsep Ijtihad	22-31
1.2 Asas-Asas Pensyariatan Ijtihad	31-36
1.3 Hukum Ijtihad	36-43
1.4 Rukun Ijtihad	44-66
1.5 Bahagian-Bahagian Ijtihad	66-68
1.6 Keperluan Kepada Ijtihad	68-73

BAB 2 IJTIHAD *JAMĀ'Ī*

2.1 Konsep Ijtihad <i>Jamā'ī</i>	74-87
2.2 Asas Ijtihad <i>Jamā'ī</i>	88-90
2.3 Perkaitan Di Antara Ijtihad <i>Jamā'ī</i> dan Syura	90-92
2.4 Sejarah Perkembangan Ijtihad <i>Jamā'ī</i>	92-101
2.5 Ijtihad <i>Jamā'ī</i> Di Peringkat Antarabangsa Dan Nasional	101-116
2.6 Pendekatan-Pendekatan Ijtihad <i>Jamā'ī</i>	116-127
2.7 Ijtihad <i>Jamā'ī</i> Dan Kuasa Mengikat	127-130
2.8 Perbezaan Ijtihad <i>Jamā'ī</i> Dengan Ijmak	131-132
2.9 Prosedur Ijtihad <i>Jamā'ī</i>	133-138

**BAB 3 JEMAAH ULAMA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
ADAT ISTIADAT NEGERI KELANTAN**

3.1 Sejarah Pentadbiran Hal-Ehwal Agama Islam Di Kelantan	139-151
3.2 Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	152-157
3.3 Penubuhan Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan	157-162
3.3.1 Objektif Penubuhan	162-166
3.3.2 Keanggotaan	166-173
3.3.3 Komposisi Anggota Jemaah Ulama	173-176
3.3.4 Prosedur Pengeluaran Fatwa	176-180
3.3.5 Maksud <i>Qawl</i> / Muktamad	181-184
3.3.6 Perjalanan Mesyuarat Jemaah Ulama	184-186

**BAB 4 FATWA-FATWA YANG DIKELUARKAN MELALUI
PENDEKATAN IJTIHAD *TARJİHİ***

4.1 Konsep Fatwa	188-198
4.2 Fatwa-Fatwa Yang DiKeluarkan Melalui Pendekatan Ijtihad <i>Tarjihî</i> :	198
1-Fatwa Penetapan Aidiladha Berdasarkan Wuquf Di 'Arafah	198-209

2-Fatwa Harus Melantik Wanita Sebagai Hakim atau Majistret Bagi Kes-Kes Sivil Dan Jenayah	209-216
3-Fatwa Tidak Batal Wuduk Jemaah Haji Dengan Persentuhan Di Antara Lelaki Dan Perempuan Yang Ajnabi Semasa Tawaf	216-224
4-Fatwa Harus Melontar Jamrah Selepas Fajar Haji Zulhijah	224-228
5-Fatwa Harus <i>Istibdāl</i> Atau Membangun Tanah Wakaf Di Bawah Kawalan Majlis	228-236
6-Fatwa Harus Menubuhkan Pasukan Pancaragam	236-242
7-Fatwa Wajib Zakat <i>al-Māl al-Mustafād</i> Tanpa <i>Hawl</i> Dan Wajib Zakat Pendapatan Dari Harta Tak Alih Dan Harta Alih	242-251
BAB 5	PENUTUP
5.1 Kesimpulan	252-254
5.2 Cadangan	254-258
BIBLIOGRAFI	259-269
SUPLEMENTARI	270-331

SENARAI SUPLEMENTARI

(A) Soalan-Soalan Temubual

(B) Apendiks

Apendiks A	Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia
Apendiks B	Enakmen Pentadbiran Islam Selangor 1989
Apendiks C	Enakmen Pentadbiran Islam Terengganu 1986
Apendiks D	Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
Apendiks E	Undang-Undang Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966
Apendiks F	Titah Ucapan Sultan Muhammad ke IV Pada Pembukaan Rasmi Majlis Agama Islam Kelantan
Apendiks G	Carta Organisasi Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu
Apendiks H	Senarai Anggota Jemaah Ulama Tahun 1982
Apendiks I	Senarai Anggota Jemaah Ulama Tahun 1989
Apendiks J	Senarai Anggota Jemaah Ulama Tahun 1999
Apendiks K	Fatwa Penetapan Aidiladha Berdasarkan Wuquf Di ‘Arafah
Apendiks L	Fatwa Harus Melantik Wanita Sebagai Hakim atau Majistret Bagi Kes-Kes Sivil Dan Jenayah
Apendiks M	Fatwa Tidak Batal Wuduk Jemaah Haji Dengan Persentuhan Di Antara Lelaki Dan Perempuan Yang Ajnabi Semasa Tawaf

Apendiks N	Fatwa Harus Melontar <i>Jamrah</i> Selepas Fajar Haji 13 Zulhijjah
Apendiks O	Fatwa Harus <i>Istibdāl</i> Atau Membangun Tanah Wakaf Di Bawah Kawalan Majlis
Apendiks P	Fatwa Harus Menubuhkan Pasukan Pancaragam
Apendiks Q	Fatwa Wajib Zakat <i>al-Māl al-Mustafād</i> Tanpa <i>Hawl</i> Dan Wajib Zakat Pendapatan Dari Harta Tak Alih Dan Harta Alih

PANDUAN TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan adalah mengikut Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia (1989), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Terjemahan al-Quran adalah dipetik daripada Tafsir Pimpinan al-Rahman oleh Syaykh Abdullah bin Basmih dan diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Ejaan yang berkaitan dengan perkataan bahasa Arab pula adalah seperti berikut :

- i. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan " ة " (*Ta' Marbutah*) dieja mengikut sebutan " ة ".
- ii. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh :
Sur'ah (سُرْعَةٌ) , *sa'ah* (سَاعَةٌ), *Quwwah* (قُوَّةٌ).
- iii. Alif Lam ditranliterasikan sebagai al (sama ada bagi *Lam Syamsiyyah* atau *Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. “a” dalam “al” tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
- iv. Istilah sesuai perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan bahasa Malaysia. Semua perkataan Arab/Inggeris (Bahasa Asing) hendaklah diitalickan kecuali Nama Khas.

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut :

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
------------	----------------------

ء	:	a, ' (Hamzah)
ب	:	b
ت	:	t
ث	:	th
ج	:	j
ه	:	h
خ	:	kh
د	:	d
ذ	:	dh
ر	:	r
ز	:	z
س	:	s
ش	:	sy
ص	:	§
ض	:	ɖ
ط	:	ʈ
ظ	:	ڙ
ع	:	'
غ	:	gh
ف	:	f
ق	:	q
ك	:	k

ل	:	l
م	:	m
ن	:	n
و	:	w
هـ	:	h
يـ	:	y
هـ	:	h

Vokal Panjang

اـ	:	aa
وـ	:	uu
يـ	:	ii

Vokal Pendek

-----	(fathah)	a
-----	(dammah)	u
-----	(kasrah)	i

Difstong

اوـ	:	aw
ايـ	:	ay
ـيـ	:	iy/î
ـوـ	:	uw

Sumber : Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur (2001).

SINGKATAN KATA

Singkatan	Makna
a. s	'alayhimus salām
Bhd.	Berhad
bil.	bilangan
c.	cetakan
Dr.	Doktor Falsafah
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
ed.	Editor
<i>et.al</i>	et alia, dan lain-lain. Bagi mengambil tempat nama-nama penulis lain sekiranya buku berkenaan dihasilkan oleh lebih dari dua orang penulis
h.	halaman
H.	Hijrah
Hj.	Haji
<i>ibid.</i>	<i>ibidem.</i> Bermaksud pada rujukan yang sama seperti sebelumnya.
j.	jilid
juz.	juzuk
M	Masihi

MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
M'sia	Malaysia
no.	nombor
<i>op.cit</i>	opere citato. Bermaksud pada bahan yang sama yang sudah dirujuk sebelum ini tetapi telah diselang oleh rujukan lain
Prof.	Profesor
r.a	rađiallāhu ‘anh
r.ha	rađiallāhu ‘anhā
r.huma	rađiallāhu ‘anhumā
r.hum	rađiallāhu ‘anhum
SAW	Sallallāhu ‘alayh wa sallam
Sdn.	Sendirian
SWT	Subḥānahu wa Ta‘ālā
t.t	Tanpa Tarikh
T.T.P	Tanpa Tempat Terbit
YBhg.	Yang Berbahagia
YBrs.	Yang Berusaha

PENDAHULUAN

Pengenalan

Disertasi ini cuba memberi tumpuan kepada salah satu daripada tajuk perbincangan di dalam pengajian *Uṣūl al-Fiqh* iaitu ijtihad. Penulis memilih tajuk ini kerana ianya merupakan suatu perbincangan yang menarik dan mempunyai kepentingan yang tersendiri kepada kehidupan umat Islam.

Ijtihad merupakan suatu aktiviti yang telah bermula semenjak zaman Rasulullah SAW lagi.¹ Ia terus menjadi amalan para ulama selepas itu, sehingga ke hari ini. Walaupun terdapat seruan ke arah penutupan pintu ijtihad, ianya tidak mampu menyekat kekuatan pemikiran sesetengah ulama untuk terus menghasilkan idea-idea dan penjelasan syarak yang sesuai dengan perubahan masa.

Ijtihad semakin diperlukan pada hari ini memandangkan berlakunya perubahan yang ketara dalam kehidupan manusia. Perkara-perkara baru yang tidak pernah berlaku sebelum ini, bahkan mungkin dianggap mustahil untuk berlaku oleh sesetengah golongan, berlaku begitu pantas dan sebahagiannya memerlukan ijtihad daripada para ulama bagi menjelaskan perkara-perkara tersebut dari sudut hukum syarak.

Latarbelakang Masalah Kajian

Antara pendekatan ijtihad yang popular di kalangan umat Islam hari ini ialah ijtihad *jamā‘ī* yang dilakukan oleh sekumpulan *fuqahā’* melalui badan-badan tertentu atau institusi-institusi tertentu mahupun melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan. Ini kerana ijtihad secara *jamā‘ī* dilihat mampu

¹ Abū Dāwud Sulaymān bin al-Asy'ath al-Sajistānī (1999), *Sunan AbūDāwud*, Kitāb al-Aqdiyah, Bāb Ijtihād al-Ra'y Fī al-Qaḍā', no. hadith 3592.

menghasilkan suatu keputusan yang lebih tepat berbanding dengan ijтиhad secara individu walau setinggi mana sekalipun ilmu pengetahuan seseorang itu. Lebih-lebih lagi dunia Islam pada hari-hari ini kekurangan ulama yang bertaraf mujtahid.

Ijтиhad *jamā'ī* merupakan suatu amalan yang rutin di kalangan *Khulafā' al-Rāsyidīn* khususnya di zaman Abū Bakr dan 'Umar. Mereka tidak memutuskan sesuatu perkara melainkan setelah bermesyuarat bersama-sama dengan para sahabat yang lain. Lebih-lebih lagi dalam perkara yang menyentuh kepentingan umum umat Islam.² Oleh sebab itulah para ulama mengatakan bahawa ijтиhad *jamā'ī* mula berlaku selepas kewafatan Nabi SAW iaitu di zaman pemerintahan Abū Bakr al-Šiddīq.³

Amalan ini berterusan untuk beberapa ketika. Namun selepas zaman imam-imam mujtahid, ijтиhad *jamā'ī* tidak lagi menjadi suatu pendekatan yang popular di kalangan ulama bahkan ijтиhad secara individu lebih kerap diamalkan oleh mereka. Lebih dari itu pula telah muncul seruan ke arah penutupan pintu ijтиhad sama ada secara *jamā'ī* mahupun secara individu. Ini berlaku pada akhir kurun keempat hijrah kerana sebab-sebab tertentu.⁴ Walaubagaimanapun, ianya tidak mampu menghalang kekuatan pemikiran sebahagian ulama untuk terus

² Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin 'Abd al-Rahmān al-Dārimī (1985), *Sunan al-Dārimī*, j. 1, Beirut : Dār al-Fikr, h. 58; 'Abd al-Karīm Zaydān (1992), *al-Madkhāl Li Dirāsah al-Šarī'ah al-Islāmiyyah*, Maṇṣūrah : Dār al-Waffā', h. 100; Syams al-Dīn Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Abī Bakr Ibn al-Qayyim (1993), *A'lām al-Muwaqqīn*, c. 2, j. 1, juz 1, Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 66.

³ 'Abd al-Nāṣir Tawfiq al-'Aṭār (1997), "al-Ta'rīf bi al-Ijtihād al-Jamā'ī", dalam majalah *Manār al-Islām*, bil. 11, Kaherah : Muassasah al-Ahrām, h. 45-46.

⁴ Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (t.t.), *Tārikh al-Fiqh al-Islāmī*, Beirut : Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, h. 95; 'Abd al-Karīm Zaydān (1992), *op.cit*, h.122; Wahbah al-Zuḥaylī (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, j. 2, Damsyiq : Dār al-Fikr, h. 1086.

menghasilkan ijтиhad yang sesuai dengan perubahan masa walaupun secara individu.⁵

Seruan ke arah melaksanakan ijтиhad *jamā'ī* secara aktif muncul kembali di zaman mutakhir ini. Ini berlaku kerana di zaman mutakhir ini, dunia Islam sudah tidak mempunyai mujtahid mutlak yang mampu melakukan ijтиhad secara individu. Lebih-lebih lagi para ulama telah menyedari kepentingan dan kebaikan melaksanakan ijтиhad *jamā'ī* pada hari ini. Oleh itu, mereka merasakan ijтиhad secara *jamā'ī* perlu dilaksanakan semula dengan lebih aktif lagi.

Oleh hal yang demikianlah, ramai ulama masa kini menyeru supaya ijтиhad *jamā'ī* dilakukan melalui penubuhan *majma'-majma' fiqh* yang akan mengumpulkan para ulama masa kini bagi membincangkan permasalahan-permasalahan baru secara syura.⁶ Hasilnya, banyak institusi tersebut ditubuhkan di seluruh dunia. Institusi-institusi ini akan mengumpulkan para ulama dari serata tempat untuk sama-sama membincangkan sesuatu permasalahan secara syura. Mereka biasanya terdiri dari golongan yang berpengalaman dalam bidang masing-masing serta mempunyai penampilan diri yang diyakini dari segi amanah, keilmuan, takwa dan sebagainya.

⁵ 'Abd al-Majid Susawh, *al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-Tasyrī'* *al-Islāmī*, halaman Internet, http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma_62_ch1_2.htm, 18/07/22.

⁶ Qarađāwī Net, <http://www.qaradawi.net/arabic/books/ejtehad-in-islam/part11.htm>, 14/09/21; 'Abd al-Majid Susawh, *op.cit*; Nādiyah Syarif al-'Umari (1987), *Ijtihād al-Rasūl*, c.4, Beirut : Muassasah al-Risālah, h. 367; Wahbah al-Zuḥaylī (1997), *al-Ijtihād al-Fiqhi al-Ḥadīthī*, h.30; 'Ali Ḥasab Allāh (1976), *Uṣūl al-Tasyrī al-Islāmī*, c. 5, Mesir : Dār al-Ma'ārif, h., 108.

Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang ditubuhkan lebih kurang 84 tahun yang lalu⁷ adalah antara badan fatwa yang mengamalkan ijтиhad *jamā'ī* dalam kegiatan fatwanya. Sebahagian daripada persoalan yang dikemukakan oleh orang ramai akan dijawab terus oleh mufti tanpa perlu bermesyuarat dengan ahli Jemaah Ulama yang lain. Ini bagi menjawab persoalan-persoalan yang remeh-temeh yang tidak memerlukan apa-apa perbincangan. Sebahagiannya pula akan dijawab melalui syura dengan mereka apabila persoalan tersebut dilihat memerlukan perbincangan.

Mengikut Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Bil. 4 tahun 1994 seksyen 37(1) dan (2), Jemaah Ulama Kelantan, dalam mengeluarkan fatwa-fatwa mestilah mengikut *qawl* muktamad dalam mazhab Syafi'i. Walaubagaimanapun, sekiranya *qawl* muktamad tersebut berlawanan dengan kepentingan umum, fatwa-fatwa tersebut bolehlah dikeluarkan mengikut mazhab-mazhab muktabar yang lain.⁸

Sehingga ke hari ini, terdapat beberapa fatwa yang telah dikeluarkan dengan tidak mengikut *qawl* muktamad, bahkan mengikut pendapat yang lain sama ada pendapat tersebut masih lagi dalam lingkungan aliran mazhab Syafi'i ataupun pendapat lain di luar aliran mazhab Syafi'i. Usaha seperti ini dikira termasuk di bawah konsep ijтиhad *tarjīḥī*. Pendekatan ini dilihat begitu diperlukan oleh umat

⁷ Muhammad Shukri bin Muhammad (1991), "Jemaah Ulama Majlis", dalam *Majalah Pengasuh* Bil. 511 (April 1991), Kota Bharu : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 2.

⁸ Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 4, Tahun 1994, seksyen 37 (1) dan (2).

Islam hari ini kerana ia dilihat mampu menyelesaikan beberapa permasalahan yang berlaku dalam kehidupan mereka dalam melakukan ibadah-ibadah tertentu.

Oleh sebab itulah, disertasi ini akan menumpukan kajian kepada salah satu pendekatan ijtihad *jamā‘ī* iaitu ijtihad *tarjīhī* yang dilaksanakan oleh Jemaah Ulama Negeri Kelantan. Penulis memilih pendekatan ini kerana penulis melihat ia merupakan suatu pendekatan yang mampu untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan tersebut dan seumpamanya yang sedang dihadapi oleh umat Islam pada hari ini. Pendekatan ini juga sangat relevan dengan para *fuqaha’* untuk berhadapan dengan situasi-situasi semasa yang berlaku sekarang dan juga pada masa akan datang.

Kenyataan Tentang Masalah Kajian

Dewasa ini banyak sekali berlaku permasalahan-permasalahan di dalam kehidupan umat Islam yang adakalanya memerlukan penjelasan hukum syarak daripada para *fuqaha’*. Hal ini sudah tentu memerlukan ijtihad daripada *fuqaha’* agar permasalahan itu dapat diselesaikan dengan cara yang terbaik. Untuk itu, ijtihad mesti dilakukan dengan cara sebaiknya. Ijtihad *jamā‘ī* disebut-sebut oleh para ulama sebagai suatu pendekatan ijtihad yang terbaik bagi menghasilkan keputusan yang lebih tepat.

- Dalam ijtihad *jamā‘ī* para *fuqahā’* yang berwibawa dan diakui dari segi keilmuannya, yang telah dipilih dari kalangan tokoh-tokoh ilmuan semasa, akan berbincang dan bertukar-tukar pendapat bagi mencari penyelesaian kepada sesuatu permasalahan. Mereka akan membuat keputusan berdasarkan

persepkatan yang dicapai sama ada melalui sebulat suara atau pendapat kebanyakan. Keadaan ini sesuai dengan apa yang dijelaskan di dalam definisi ijihad *jamā'ī* itu sendiri.⁹

Keadaan dunia umat Islam pada hari ini yang kekurangan ulama yang bertaraf mujtahid juga menjadi salah satu faktor mengapa ijihad *jamā'ī* perlu dilaksanakan dengan lebih aktif lagi. Pada hari ini, kebanyakan *faqih* mempunyai bidang pengkhususan tertentu sahaja, yang menyebabkan mereka tidak dapat menguasai bidang lain dengan sepenuhnya. Melalui ijihad *jamā'ī* setiap *faqih* akan menampung kekurangan yang ada pada *faqih* yang lain.

Bagi mencapai hasrat ini dengan lebih baik lagi, beberapa pendekatan ijihad *jamā'ī* boleh diambil antaranya ialah pendekatan ijihad *tarjīhī*. Pendekatan ini sangat diperlukan hari ini kerana banyak berlaku kerumitan dan kesukaran yang amat sangat kepada umat Islam dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti tertentu yang terhasil kerana berpegang dengan satu pendapat tertentu terutamanya dalam keadaan yang terdesak. Melalui pendekatan ini para *fuqaha'* akan menilai pendapat-pendapat yang lain bagi menyelesaikan permasalahan tersebut.

Melalui perlaksanaan kedua-dua pendekatan ini (ijihad *jamā'ī* dan ijihad *tarjīhī*) dengan baik, keputusan yang paling tepat diharap dapat dihasilkan sekaligus dapat menggambarkan keupayaan hukum Islam itu sendiri untuk berhadapan dengan situasi-situasi semasa yang mencabar.

⁹ Lihat definisi ijihad *jamā'ī* di dalam bab kedua halaman 76.

Objektif Kajian

Beberapa objektif utama menjadi tujuan kepada kajian dan penyelidikan ini.

Antaranya :

- i- untuk melihat sejauh mana pendekatan ijтиhad *tarjīḥī* dilaksanakan oleh Jemaah Ulama Negeri Kelantan sebagai salah sebuah badan yang menjalankan ijтиhad *jamā'ī* dalam mengeluarkan fatwa-fatwa.
- ii- untuk melihat faktor-faktor yang mendorong pendekatan ijтиhad *tarjīḥī* diambil oleh Jemaah Ulama seperti faktor menolak kerumitan, mendatangkan kebaikan, kepentingan umum, darurat dan kekuatan dalil.
- iii- untuk melihat sejauh mana kemampuan pendekatan ijтиhad *tarjīḥī* dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan umat Islam pada hari ini.
- iv- untuk menjelaskan betapa pentingnya pendekatan ijтиhad *tarjīḥī* dilaksanakan oleh badan-badan fatwa dalam menyelesaikan isu-isu berbangkit dalam masyarakat sekarang.

Kerangka Teori Kajian

Ijтиhad *jamā'ī* dan ijтиhad *tarjīḥī* merupakan dua pendekatan yang dilihat mampu untuk menghasilkan suatu keputusan ijтиhad yang paling tepat. Ijтиhad *jamā'ī* telah pun diamalkan semenjak dari zaman *Khulafā' al-Rāsyidīn* lagi hingga ke hari ini. Ia merupakan suatu pendekatan yang diakui oleh para ulama mempunyai lebih banyak kebaikan berbanding dengan ijтиhad secara individu. Ijтиhad secara individu dilihat lebih terdedah kepada banyak kesilapan berbanding dengan ijтиhad *jamā'ī* walau setinggi mana sekalipun ilmu seseorang itu.

Oleh hal yang demikianlah, ramai ulama masa kini menyeru supaya ijтиhad *jamā'ī* dilakukan melalui penubuhan *majma'-majma'* *fiqh* yang akan mengumpulkan para ulama masa kini bagi membincangkan permasalahan-permasalahan baru secara syura.¹⁰

Manakala ijтиhad *tarjīḥī* pula banyak dilakukan oleh sebahagian dari *fugahā'* terdahulu berasaskan kepada sebab-sebab tertentu seperti kekuatan dalil, perbezaan adat, kepentingan umum dan sebagainya. Pendekatan ini sebagaimana yang telah didefinisikan oleh Yūsuf al-Qarađāwī ialah ijтиhad dalam memilih salah satu daripada pendapat-pendapat yang terdapat di dalam perbendaharaan *fiqh* yang telah dikemukakan sebagai fatwa atau keputusan hakim dengan menarjihkan satu pendapat daripada pendapat-pendapat yang ada.¹¹

Pendekatan ini sangat diperlukan pada hari ini bagi mencari jalan penyelesaian kepada beberapa permasalahan umat Islam. Permasalahan-permasalahan tersebut tidak mungkin dapat diselesaikan jika umat Islam terus berpegang dengan satu pendapat tertentu lebih-lebih lagi dalam keadaan yang terdesak. Melalui pendekatan ini para *fugahā'* akan memilih pendapat yang paling sesuai untuk diamalkan oleh umat Islam dalam permasalahan-permasalahan tertentu. Ini untuk mengelakkan umat Islam daripada menanggung kerumitan yang amat sangat dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang tertentu.

¹⁰ Antaranya seperti Yūsuf al-Qarađāwī, Wahbah al-Zuḥaylī, ‘Abd al-Majid Sūsawh, Nādiyah Syarīf al-‘Umarī dan ‘Alī Ḥasab Allāh.

¹¹ Yūsuf al-Qarađāwī (1994), *al-Ijtihād al-Mu’āṣir Bayna al-Indibāt wa al-Inṣirāt*, Kaherah : Dār al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, h. 20.

Penulis melihat kedua-dua pendekatan ini seharusnya dijadikan sebagai suatu pendekatan yang utama dalam mengeluarkan fatwa-fatwa terutamanya dalam mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan-permasalahan umat Islam hari ini. Banyak permasalahan umat Islam hari ini terutamanya dalam melakukan ibadah-ibadah tertentu dapat diselesaikan melalui kedua-dua pendekatan ini.

Antaranya apa yang berlaku di dalam kehidupan umat Islam pada hari ini semasa melakukan ibadah tawaf pada musim haji. Bagi umat Islam yang berpegang dengan mazhab Syafi'i, perkara ini menjadi suatu kerumitan yang besar kerana mengikut mazhab Syafi'i persentuhan di antara lelaki dan perempuan yang ajnabi akan membatalkan wuduk kedua-dua pihak. Hal ini tentu sekali sukar untuk dielakkan semasa melakukan ibadah tawaf pada musim haji disebabkan bilangan jemaah haji yang terlalu ramai.¹²

Begitu juga dalam melakukan ibadah-ibadah haji yang lain seperti melontar jamrah selepas fajar haji pada 13 Zulhijjah. Kerumitan yang sama berlaku apabila jutaan jemaah haji berebut-rebut untuk melontar jamrah pada hari-hari melontar. Untuk meringankan kerumitan ini, kebenaran haruslah diberi kepada jemaah haji untuk melontar jamrah selepas fajar haji pada 13 Zulhijjah. Ini kerana mengikut Jumhur ulama waktu melontar pada 13 Zulhijjah adalah selepas gelincir matahari hingga terbenam matahari.¹³

Melalui kedua-dua pendekatan tadi permasalahan-permasalahan tersebut dan yang seumpamanya akan dapat diselesaikan dengan baik. Oleh sebab itulah kedua-dua

¹² Lihat perbincangan lanjut perkara ini dalam disertasi ini pada halaman 204-212.

¹³ Lihat perbincangan lanjut berhubung perkara ini dalam disertasi ini pada halaman 212-216.

pendekatan ini sangat wajar dilaksanakan oleh mana-mana badan yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan fatwa kepada umat Islam.

Hipotesis

Antara hipotesis yang dapat digambarkan adalah seperti berikut :

- i- Jemaah Ulama telah mengeluarkan beberapa fatwa berdasarkan pendekatan ijтиhad *tarjīḥī*, yang dilakukan atas sebab-sebab tertentu seperti kepentingan umum, darurat, kekuatan dalil dan menolak kerumitan.
- ii- Pendekatan ijтиhad *tarjīḥī* mampu menyelesaikan permasalahan-permasalahan umat Islam hari ini.
- iii- Situasi semasa yang berlaku dalam kehidupan umat Islam pada hari ini mendorong pendekatan ini diamalkan oleh Jemaah Ulama.
- iv- Kemasukan beberapa orang tokoh akademik menjadi anggota Jemaah Ulama telah menyebabkan pendekatan ijтиhad *tarjīḥī* dilakukan dengan lebih aktif lagi.

Kepentingan Kajian

Disertasi ini diharapkan dapat memberi gambaran yang menyeluruh tentang kedudukan ijтиhad baik dari sudut konsepnya maupun pendekatannya. Ini akan dapat memberi kefahaman yang jelas mengenai ijтиhad. Dengan kefahaman ini diharap dapat menggalakkan aktiviti ijтиhad di kalangan *fuqahā'* masa kini agar masalah-masalah yang dihadapi oleh umat Islam dalam perkara-perkara tertentu dapat diselesaikan. Hasilnya, Islam dilihat sebagai suatu cara hidup yang sesuai dengan perubahan zaman dan tempat.

Ia juga diharap akan dapat menjelaskan mengenai ijтиhad *jamā'ī* dan kelebihannya secara jelas. Bagi melaksanakannya, akan wujud pula badan-badan yang akan dianggotai oleh sekumpulan *fuqahā'* yang berpengalaman yang dikumpul dari serata tempat. Ini sekaligus dapat mengurangkan ijтиhad secara individu yang dilihat adakalanya boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai lebih-lebih lagi apabila ianya dilakukan oleh golongan yang kurang berkelayakan.

Selain itu disertasi ini juga diharap dapat memperkenalkan ijтиhad *tarjīḥī* secara lebih meluas lagi. Ini supaya pendekatan ini akan menjadi suatu pendekatan yang popular dikalangan *fuqahā'* dan dilakukan dengan lebih aktif lagi pada masa akan datang. Pendekatan ini dilihat mampu menyelesaikan kerumitan dan kesukaran yang dihadapi oleh umat Islam dalam perkara-perkara tertentu yang berlaku akibat dari perubahan masa dan tempat. Ini sekaligus dapat menghasilkan ijтиhad yang sesuai dengan prinsip kemudahan dan kesenangan sebagaimana yang digariskan oleh al-Quran dan hadith.

Disertasi ini juga diharap dapat membuka jalan yang lebih luas lagi untuk dijalankan kajian-kajian yang berkaitan dengannya pada masa akan datang.

Skop Kajian

Disertasi ini membataskan bentuk ijтиhad yang akan dikaji kepada ijтиhad *jamā'ī*. Badan yang menjalankannya pula dikhususkan kepada Jemaah Ulama Negeri Kelantan. Manakala dari sudut pendekatannya pula, ia membataskan kepada ijтиhad *tarjīḥī*. Fatwa-fatwa yang akan dikaji ialah dari tahun 1992-1999. Sepanjang tempoh tersebut terdapat sebanyak 57 fatwa telah dikeluarkan. Tujuh

daripadanya telah dikeluarkan berdasarkan pendekatan ijтиhad *tarjīḥī* manakala selebihnya sama ada berdasarkan pendekatan ijтиhad *insya'i* atau bertaklid kepada *qawl* muktamad di dalam mazhab Syafi'i.

Penulis memilih fatwa-fatwa dalam tempoh tersebut kerana penulis melihat dalam tempoh tersebut pendekatan ijтиhad *tarjīḥī* telah dilaksanakan dengan lebih aktif oleh Jemaah Ulama dalam menyelesaikan beberapa permasalahan umat Islam yang berlaku pada hari ini, berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Penulis juga memilih fatwa-fatwa dalam tempoh tersebut kerana dalam tempoh ini Jemaah Ulama dianggotai oleh ramai tokoh akademik yang berwibawa, yang juga dilihat menjadi salah satu faktor pendorong pendekatan ini dilakukan dengan lebih aktif lagi.

Huraian Istilah

Tajuk disertasi ini ialah **Analisis Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan**. Tajuk ini akan diuraikan melalui penjelasan definisi-definisi beberapa perkataan yang menjadi kunci utama kepada tajuk iaitu Analisis, Pendekatan, Ijtihad, Fatwa, Jemaah Ulama.

Analisis – Kamus Dewan mendefinisikan analisis sama erti dengan analisa iaitu penyelidikan atau penghuraian sesuatu seperti keadaan, masalah, persoalan dan lain-lain, secara terperinci dan mendalam.¹⁴ Dalam kajian ini analisis dapat difahami sebagai huraian secara terperinci ke atas persoalan ijтиhad, ijтиhad *jamā'ī*,

¹⁴ Sheikh Othman bin Sheikh Salim *et. al* (1989), Kamus Dewan Edisi Baru, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 37-38.

Jemaah Ulama dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan melalui pendekatan ijтиhad *tarjīḥī*.

Pendekatan – Cara yang diambil bagi mengatasi masalah dan lain-lain.¹⁵

Ijtihad – mencurahkan seluruh kemampuan untuk menghasilkan hukum syarak, dalam perkara-perkara ‘*aqlī* ataupun *naqlī*, *qat’ī* ataupun *zannī*.¹⁶

Dalam disertasi ini pendekatan ijтиhad yang dimaksudkan ialah pendekatan ijтиhad *tarjīḥī* yang didefinisikan oleh Dr. Yūsuf al-Qarādāwī sebagai ijтиhad dalam memilih salah satu daripada pendapat-pendapat yang terdapat di dalam perbendaharaan *fiqh* yang telah dikemukakan sebagai fatwa atau keputusan hakim dengan mentarjīḥkan satu pendapat daripada pendapat-pendapat yang lain.¹⁷

Fatwa – Fatwa bermaksud jawapan yang dikemukakan oleh mufti kepada penanya berkenaan dengan kemusyilan syarak.¹⁸ Dalam disertasi ini fatwa tidak hanya dikhuluskan kepada fatwa-fatwa rasmi atau yang telah diwartakan oleh Majlis Agama Islam Kelantan, tetapi ia juga merujuk kepada apa sahaja keputusan yang dicapai melalui mesyuarat Jemaah Ulama, sama ada ianya berbentuk cadangan kepada pihak-pihak tertentu mahupun jawapan yang dikemukakan kepada orang ramai.

¹⁵ *Ibid.*, h. 264.

¹⁶ Nādiyah Syarīf al-‘Umari, *op.cit.*, h. 27.

¹⁷ Yūsuf al-Qarādāwī (1994), *op.cit.*, h. 20.

¹⁸ Ibrāhīm Anīs et. al (1972), *al-Mu’jam al-Wasīt*, j. 1, cet. 2. Kaherah : Dār al-Ma’ārif, h. 673.

Jemaah Ulama Negeri Kelantan– Kamus Dewan mendefinisikan jemaah sebagai orang ramai,¹⁹ manakala ulama pula didefinisikan sebagai orang yang ahli atau pakar dalam pengetahuan agama Islam.²⁰ Dalam disertasi ini Jemaah Ulama Negeri Kelantan bermaksud satu badan yang dianggotai oleh sekumpulan ulama yang dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan fatwa secara ijтиhad *jamā'ī*.

Oleh yang demikian, tajuk ini bermaksud satuuraian secara terperinci dan mendalam tentang fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan melalui pendekatan ijтиhad *tarjīḥī*, yang telah dilaksanakan oleh Jemaah Ulama melalui ijтиhad *jamā'ī* mereka.

Ulasan Penulisan

Terdapat beberapa penulisan sebelum ini yang berkaitan dengan ijтиhad *jamā'ī* yang menjadi tumpuan penulis bagi menyiapkan disertasi ini. Penulisan-penulisan tersebut seperti buku, kertas kerja, tesis sarjana dan sebagainya. Secara keseluruhannya penulisan-penulisan tersebut menumpukan perbincangannya kepada definisi ijтиhad *jamā'ī*, sejarah perkembangan, keterikatan keputusan ijтиhad *jamā'ī*, lapangan-lapangan, badan-badan yang menjalankannya, keperluan kapadanya hari ini, perbezaannya dengan ijmak dan sebagainya.

Namun begitu terdapat beberapa perkara yang terkandung dalam penulisan-penulisan tersebut yang membezakannya di antara satu sama lain. Contohnya dalam tulisan yang berjudul *al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-Tasyrī al-Islāmī* oleh ‘Abd

¹⁹ Sheikh Othman bin Sheikh Salim *et. al, op.cit.*, h. 487.

²⁰ *Ibid.*, h. 1427.

al-Majid al-Susawh al-Syarafti,²¹ penulis tersebut telah menyebut beberapa pendekatan ijтиhad *jamā'ī* yang boleh dipraktikan oleh badan-badan yang menjalankan ijтиhad *jamā'ī*. Perkara ini tidak dijelaskan di dalam penulisan-penulisan yang lain.

Begini juga dalam penulisan yang kedua yang berjudul *al-Ijtihād al-Jamā'ī wa Dawr al-Majāmī' al-Fiqhiyyah fī Taqbiqih* yang ditulis oleh Dr. Sya'bān Muhamad Ismā'il.²² Di dalam buku ini beliau telah menyebutkan dengan panjang lebar isu-isu yang telah dibincangkan oleh tiga badan utama yang menjalankan ijтиhad *jamā'ī* di peringkat antarabangsa.

Tesis sarjana yang ditulis oleh Marjan Bt Muhammad yang dikemukakan untuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada November 2000, juga menjadi perhatian penulis sebelum memulakan penulisan ini. Tesis tersebut bertajuk *al-Ijtihād al-Jamā'ī Bayna al-Nazariyyah wa al-Taqbiq Māliziyyā Namūzajan*.²³ Apa yang membezakan tesis ini daripada penulisan-penulisan yang lain ialah penulis tersebut ada membincangkan berkenaan dengan ijтиhad *jamā'ī* di Malaysia dengan mengemukakan institusi fatwa di peringkat kebangsaan dan juga beberapa institusi fatwa di peringkat negeri.

²¹ 'Abd al-Majid al-Susawh, *al-Ijtihād al-Jamā'ī Fī al-Tasyīr' al-Islāmī*, http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma_62_ch1_1.htm, 18 Rejab 1422H.

²² Sya'bān Muhamad Ismā'il (1998), *al-Ijtihād al-Jamā'ī wa Dawru al-Majāmī' al-Fiqhiyyah Fī Taqbiqih*, Beirut : Dār al-Basyā'r al-Islāmī.

²³ Marjan Bt. Muhammad, *al-Ijtihād al-Jamā'ī Bayna al-Nazariyyah wa al-Taqbiq Māliziyyā Namūzajan*, Tesis Sarjana untuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, November 2000.

Di dalam kertas kerja yang bertajuk *Majma' al-Buhūth al-Islāmiyyah Unmūzaj li al-Ijtihād al-Jamā'ī fī Miṣr* yang ditulis oleh 'Abd al-Fattāḥ Barakah pula, beliau telah membahagikan ijтиhad *jamā'ī* kepada dua bahagian iaitu ijтиhad *jamā'ī madhhabī* dan ijтиhad *jamā'ī mu'lak*. Walaubagaimanapun beliau tidak menghuraikannya secara terperinci.²⁴

Perkara-perkara yang dinyatakan di atas, telah dikumpulkan dalam disertasi ini di dalam satu bab sahaja. Walaubagaimanapun, untuk membezakannya dengan kesemua tulisan-tulisan di atas, disertasi ini akan mengetengahkan salah satu badan yang menjalankan ijтиhad *jamā'ī* di Malaysia iaitu Jemaah Ulama Negeri Kelantan sebagai bahan kajian. Selain itu, disertasi ini cuba melihat sejauh mana perlaksanaan pendekatan ijтиhad *tarjīhī* dipraktikkan oleh badan ini. Seterusnya disertasi ini akan mengemukakan dan menganalisa fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan melalui pendekatan tersebut melalui beberapa sudut.

Oleh itu penulis melihat kajian seperti ini adalah satu kajian yang terbaru yang belum pernah dilakukan oleh penulis-penulis lain sebelum ini sama ada di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan juga Doktor Falsafah.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian biasanya mengandungi empat perkara utama iaitu kerangka kajian, sumber data, prosedur kajian dan penganalisaan data.²⁵

²⁴ Kertas kerja ini telah disiarkan di dalam majalah *Manār al-Islām* bilangan kesebelas bertarikh 1 Mac 1997, h. 49-56.

²⁵ Prof. Madya Dr. Ab. Mu'min Ab. Ghani et. al (2001), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 16.

Kerangka Kajian – Dalam melaksanakan kajian ini penulis telah menggunakan dua metod utama sebagai kerangka kajian iaitu :

- i- Metod Dokumentasi. Metod ini bermaksud cara mendapatkan data-data melalui cara menghimpun dan mengumpul bahan atau dokumen yang dapat digunakan sebagai asas bagi sesuatu kajian.²⁶ Antara bahan-bahan atau dokumen tersebut seperti buku-buku, majalah, jurnal, keratan akhbar, enakmen, halaman internet dan lain-lain lagi. Metod ini digunakan oleh penulis bagi mendapatkan definisi-definisi sesuatu istilah, fakta-fakta yang berkaitan dengan sesuatu konsep, sejarah penubuhan Jemaah Ulama, fatwa-fatwa dan sebagainya.
- ii- Metod Temubual. Bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang tidak terkandung di dalam bahan-bahan tersebut, penulis akan menggunakan pula metod temubual. Metod ini digunakan bagi mendapatkan fakta-fakta yang berkaitan dengan Jemaah Ulama seperti maksud *qawl muktamad* yang dipakai oleh Jemaah Ulama, perjalanan ijтиhad *jamā'at* Jemaah Ulama dan sebagainya. Individu-individu yang berkait rapat dengan badan ini seperti Pengerusi Jemaah Ulama Negeri Kelantan (Mufti) dan Setiausaha menjadi tumpuan penulis untuk ditemubual. Dalam kajian ini penulis telah menemubual Dato' Hasbullah b. Hj. Mat Hassan, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan selaku Pengerusi Jemaah Ulama Negeri Kelantan dan Ustaz Murtadha b. Hj. Abdullah, selaku Setiausaha.

²⁶ Sheikh Othman bin Sheikh Salim *et al*, *op. cit.*, h. 290.

Sumber Data – Sumber data boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu sumber primari dan sumber sekunder. Sumber primari ialah sumber yang ada kaitan secara langsung dengan keadaan yang dikaji termasuk temubual, laporan, tesis, minit mesyuarat, catatan pengembara, karya asal seseorang penulis dan seumpamanya.²⁷ Dalam kajian ini sumber-sumber yang boleh dikategorikan sebagai sumber primari ialah seperti temubual penulis dengan Pengerusi Jemaah Ulama Negeri Kelantan dan Setiausaha, tesis Sarjana Untuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia oleh Marjan Bt. Muhammad, kitab *al-Risālah* karangan al-Imām Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi‘ī, *al-Muwāfaqāt* karangan al-Imām Abū Isḥāq al-Syāṭibī dan lain-lain lagi.

Manakala sumber sekunder pula ialah sumber yang ada perantara di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan juga buku-buku ilmiah.²⁸ Dalam kajian ini, antara bahan-bahan yang termasuk di dalam kategori ini adalah seperti majalah-majalah (*Manār al-Islām*, *al-Muslim* *al-Mu‘āşir*, Pengasuh), jurnal-jurnal Syariah dan Monograf dan seumpamanya.

Sumber-sumber data ini diperolehi oleh penulis melalui dua cara penyelidikan iaitu :

- i- Penyelidikan Perpustakaan – Cara ini digunakan oleh penulis untuk mengumpul sumber-sumber data daripada beberapa buah perpustakaan. Sumber-sumber itu sama ada sumber primari mahupun sumber sekunder. Sumber-sumber data tersebut seperti buku-buku, jurnal, majalah dan lain-

²⁷ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 75.

²⁸ *Ibid.*

lain lagi sama ada dalam Bahasa Malaysia, Inggeris dan Arab. Sumber-sumber ini penulis perolehinya daripada Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya Nilam Puri, Perpustakaan Majlis Agama Islam Kelantan, Perpustakaan Negeri Kelantan dan Perpustakaan Islam Nur al-Zahra' Kota Bharu.

- ii- Penyelidikan Lapangan – Bagi sumber-sumber yang tidak dapat diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan, penulis menggunakan pula penyelidikan lapangan. Penyelidikan ini dilakukan melalui temubual-temubual dengan individu-individu tertentu yang mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian. Dalam kajian ini penulis telah menemubual Mufti Kelantan selaku Pengerusi Jemaah Ulama Kelantan dan Pegawai Zakat selaku Setiausaha Jemaah Ulama. Begitu juga bagi mendapatkan bahan-bahan yang tidak diterbitkan seperti fatwa-fatwa dari tahun 1992-1999, enakmen-enakmen yang berkaitan dan lain-lain, penulis menggunakan penyelidikan ini untuk mendapatkannya daripada Bahagian Penerbitan Majlis Agama Islam Kelantan dan juga pihak-pihak yang tertentu.

Penganalisaan Data – Data-data yang dikumpul melalui kedua-dua metod tersebut perlu dianalisiskan dengan teliti. Untuk menganalisiskan data-data tersebut penulis menggunakan metod-metod berikut :

- i- Metod Deduktif – Metod ini bermaksud seseorang penulis menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada atau dibentuknya sendiri berdasarkan pemikiran atau pengalaman tertentu untuk melihat fenomena yang berlaku.²⁹ Sebagai contoh, dalam kajian ini penulis menggunakan teori

²⁹ Idris Awang (2001), *op.cit*, h. 83.

berkenaan dengan ijтиhad *jamā‘ī* dan ijтиhad *tarjīḥī*, untuk dilihat perlaksanaannya di dalam amalan mengeluarkan fatwa oleh Jemaah Ulama Negeri Kelantan.

- ii- Metod Induktif - Metod ini bermaksud seseorang penulis atau penyelidik menggenerat atau mengumpulkan maklumat-maklumat secara berterusan bagi menjelaskan atau menghuraikan fenomena yang dikaji.³⁰ Sebagai contoh, di dalam disertasi ini, metod ini digunakan untuk melihat perlaksanaan ijтиhad *tarjīḥī* dalam fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan, di mana penulis mengumpulkan dan menganalisa beberapa fatwa bagi menjelaskan bahawa ijтиhad *tarjīḥī* telah dilaksanakan oleh Jemaah Ulama Negeri Kelantan dan ia mampu untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan umat Islam.
- iii- Metod Komparatif – Metod ini bermaksud cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan secara adil terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa pengkajian dilakukan.³¹ Sebagai contoh, dalam disertasi ini penulis telah melakukan perbandingan di antara definisi-definisi ijтиhad dan ijтиhad *jamā‘ī* dan seterusnya membuat kesimpulan untuk memilih definisi yang terbaik.

Prosedur Kajian – Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kedua-dua kaedah penyelidikan iaitu kaedah penyelidikan perpustakaan dan kaedah penyelidikan · lapangan. Dalam melakukan kedua-dua kaedah ini, pertama sekali sumber-sumber data yang diperlukan, dikumpulkan melalui metod dokumentasi dan metod

³⁰ *Ibid*, h. 82.

³¹ Noraini Ismail, *Pengaruh Falsafah Pragmatisme Ke Atas Pemikiran Pelajar Melayu Islam : Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria Kuala Lumpur*, Tesis Sarjana Untuk Universiti Malaya, 2000, h. 20.

temubual. Setelah sumber-sumber tersebut berjaya dikumpulkan, penulis akan mula melakukan pembacaan awal bagi mendapatkan gambaran umum tentang tajuk kajian.

Setelah gambaran umum tersebut diperolehi, penulis akan mula merangka draf awal kajian dengan membahagikan isi kajian kepada beberapa bab. Setiap bab akan diberi tajuk yang khusus yang mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian ini. Setiap bab akan dibahagikan pula kepada beberapa tajuk kecil yang lain bagi memperincikan lagi perbincangan.

Bagi mendapatkan data-data mutakhir berkenaan dengan Jemaah Ulama, yang tidak dapat diperolehi melalui metod dokemuntasi, penulis menjalankan temubual dengan Mufti Kelantan selaku Pengerusi Jemaah Ulama dan Pegawai Zakat sebagai Setiausaha. Kedua-dua individu ini merupakan sumber yang berautoriti bagi penulis mendapatkan data-data tersebut kerana kedudukan mereka yang penting di dalam Jemaah Ulama.

Bagi menjaga kualiti data dan mempastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian berada di tahap yang tertinggi, setiap data yang dikemukakan akan disertakan dengan nota kaki. Seterusnya data-data yang telah dikumpulkan akan dianalisis mengikut metod-metod analisis yang telah dijelaskan tadi. Begitu juga dengan fatwa-fatwa yang dikaji akan dianalisis di dalam satu bab yang khusus untuk melihat perlaksanaan pendekatan ijtihad *tarjīḥī* ke atas fatwa-fatwa tersebut. Hasil daripada analisis inilah, objektif kajian akan dapat dicapai.